

Dakwah dan Kebajikan: Peranan PERKIM dalam Membantu Pelarian dan Warganegara Asing di Malaysia, 1976–1986

Da‘wah and Welfare: PERKIM’s Role in Assisting Refugees and Foreign Nationals in Malaysia, 1976–1986

Nuraisya Hanim binti Ab Ghafar*
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*email: Nuraisya Hanim binti Ab Ghafar (email: aisyahanim3121@gmail.com)

Diterima: 12 Mac 2025; **Disemak semula:** 15 April 2025; **Diterima:** 15 Mei 2025; **Diterbitkan:** 22 Jun 2025

To cite this article (APA): Ab Ghafar, N. H. (2025). Dakwah dan Kebajikan: Peranan PERKIM dalam Membantu Pelarian dan Warganegara Asing di Malaysia, 1976–1986. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(1), 64-78. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol3.1.5.2025>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mendokumentasikan peranan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dalam memberikan bantuan kebajikan khususnya sepanjang tempoh tahun 1976-1986. Objektif kajian ialah untuk menganalisis penglibatan PERKIM dalam menguruskan bantuan kebajikan kepada warganegara asing khususnya pelarian Kemboja. Kajian menggunakan metodologi kajian sejarah dengan pendekatan kualitatif yang mengandungi empat peringkat penyelidikan iaitu heuristik, kritik, penafsiran dan penulisan sejarah. Sumber primer diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Handsard parlimen serta akhbar. Sumber sekunder pula diperoleh daripada jurnal, buku dan tesis. Semua sumber melalui proses kritikan sumber bagi memastikan kesahihan sumber maklumat tersebut. Hasil kajian menunjukkan memainkan peranan dalam sepanjang tempoh kajian ini, PERKIM terlibat dalam menghulurkan bantuan kepada pelarian dari Kemboja. Selain itu PERKIM juga memberi bantuan pendidikan kepada warga asing dari benua Afrika dan Korea. Bantuan PERKIM lazimnya berkait rapat dengan tujuan utama pertubuhan ini iaitu dakwah dan bantuan kepada golongan mualaf. PERKIM menjadi sebuah medium yang bukan sahaja membantu umat Islam, malah mempunyai hubungan yang rapat dengan negara luar yang menyalurkan bantuan untuk PERKIM merealisasikan visi dan misinya.

Kata kunci: Kemboja, Pendidikan, PERKIM, Pelarian, UNHCR

Abstract

This study aims to document the role of the Malaysian Islamic Welfare Organization (PERKIM) in providing welfare assistance, particularly during the period from 1976 to 1986. The objective of the study is to analyze PERKIM's involvement in managing welfare assistance for foreign nationals, with particular emphasis on Cambodian refugees. The study employs a historical research methodology using a qualitative approach, encompassing four stages of investigation: heuristics, source criticism, interpretation, and historical writing. Primary sources were obtained from the National Archives of Malaysia, the National Library of Malaysia, parliamentary Hansard records, and newspapers. Secondary sources were drawn from journals, books, and theses. All sources were subjected to rigorous source criticism to ensure the authenticity and reliability of the information. The findings indicate that throughout the period under review, PERKIM played an active role in providing assistance to refugees from Cambodia. In addition, PERKIM also extended educational assistance to foreign nationals from the African continent and Korea. PERKIM's welfare initiatives were closely aligned with the organization's primary objectives, namely da'wah and support for converts to Islam (muallaf). PERKIM thus functioned as a significant intermediary that not only assisted the Muslim community but also maintained close relations with foreign countries that channeled aid to support PERKIM in realizing its vision and mission.

Keywords: Cambodia, PERKIM, education, refugees, UNHCR

Pengenalan

Kajian ini membincangkan peranan salah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang dibangunkan pada tahun 1960 iaitu Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). PERKIM adalah pertubuhan yang diilhamkan penubuhannya oleh Tunku Abdul Rahman. PERKIM diwujudkan untuk menyampaikan seruan dakwah kepada masyarakat Muslim dan bukan Muslim di Malaysia. Aktiviti dakwah yang dijalankan oleh pertubuhan ini adalah sebagai salah satu usaha dalam menyebarkan kefahaman Islam secara holistik kepada masyarakat. Kerja-kerja dakwah yang dilaksanakan melalui pendekatan pendidikan dan kebajikan seperti kelas bimbingan agama bagi golongan muallaf, ceramah agama, dan melalui program kebajikan yang menjurus kepada tujuan mendekatkan masyarakat dengan ajaran Islam. Namun, setelah pertubuhan ini semakin berkembang, maka PERKIM telah meluaskan fungsinya dalam menjaga kebajikan orang Islam terutamanya golongan miskin, sama ada warganegara Malaysia atau warga asing. Kajian yang dijalankan ini memfokuskan kepada kegiatan kebajikan PERKIM yang melibatkan warga asing sepanjang 1976-1986. Tempoh ini signifikan untuk dikaji kerana ekonomi Malaysia agak terjejas lantaran keadaan ekonomi yang tidak pasti. Perbincangan dalam kajian ini memperlihatkan bagaimana kesan perkembangan ekonomi telah memberi kesan kepada bantuan Kebajikan PERKIM. Justeru, kajian ini mendokumentasikan usaha PERKIM yang berkaitan warganegara asing di Malaysia.

Sejarah Penubuhan PERKIM

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) merupakan salah satu daripada pertubuhan yang paling awal ditubuhkan selepas kemerdekaan tanah Melayu. Ia digerakkan sebagai organisasi bukan kerajaan (NGO) berdasarkan kepada idea dan saranan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Idea untuk menubuhkan PERKIM bermula semasa Tunku sedang melaksanakan ibadah haji pada tahun 1960. Dalam proses melengkapkan ibadah haji tersebut melalui pelaksanaan rukun wajib haji iaitu ‘wuquf’, Tunku Abdul Rahman telah mendapat ilham untuk mewujudkan satu organisasi yang dapat menyatukan dan mengukuhkan umat Islam di Malaysia tanpa mengira kaum dan bangsa. Pertubuhan ini dengan rasminya didaftarkan dan dibuka pada 19 Ogos 1960.¹ Pada peringkat awal iaitu pada 1960-1971, Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Penasihat PERKIM. Tunku kemudiannya dilantik secara rasmi sebagai Presiden PERKIM sehingga 1989.²

Dalam merealisasikan idea dan ilhamnya, Tunku membuat persepakatan dengan beberapa orang rakan rapatnya. Antara yang terlibat ialah Tan Sri SOK Ubaidulla, Tan Sri Haji Yusof Ibrahim TY Ma, Tuan Haji Mohamed Ali Taib, Tuan Haji Ahmad Damanhuri, Tuan Syed Jaafar Albar.³ Tunku menekankan keperluan untuk menyatupadukan masyarakat Muslim dan berusaha menarik minat orang yang belum beragama Islam untuk mengenali agama Islam dengan lebih mendalam. Hasil perbincangan bersama rakannya membuahkan kata sepakat. Mereka kemudiannya bersetuju untuk menamakan pertubuhan ini sebagai Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.

Dalam usaha mengembangkan lagi fungsi PERKIM, beliau telah menjemput beberapa orang Islam yang berminat untuk terlibat dalam usaha mengembangkan syiar Islam dalam satu perjumpaan. Perjumpaan disertai oleh Tuan Ubaidulla, Tuan Haji Mohamed Ali Taib, Ustaz Nik Mahyudin Musa, Tuan Haji Ally Maricar, Tuan Syed Jaafar Albar, Tuan Haji Ali Raya, Tuan Sheikh Ahmad dan Tuan Wan Kadir serta Tuan Haji Abdul Mubin Sheppard.⁴ Dalam mesyuarat tersebut, Tunku Abdul Rahman menyerahkan sekeping cek bernilai sepuluh ribu ringgit sebagai satu sumbangan bagi pelancaran pertubuhan ini secara rasmi.⁵ Jumlah berkenaan terlalu besar nilainya pada ketika itu. Ia merupakan satu penanda yang membuktikan kesungguhan Tunku untuk memastikan PERKIM berjalan seperti yang dirancang.

Inisiatif Tunku tidak hanya terhenti dalam hal ehwal kewangan. Tunku mencari sokongan bagi memastikan PERKIM dapat berjalan dengan stabil. Dengan itu, Tunku mempersembahkan misi, visi dan organisasi PERKIM kepada Majlis Raja-raja untuk mendapatkan restu. Jelasnya, perancangan awal Tunku untuk memastikan perjalanan PERKIM berkesan sepenuhnya telah dirangka dengan rapi. Beliau mendapatkan kerjasama dan pertolongan daripada rakan yang berkongsi hasrat dakwah yang sama dan menyumbang keperluan kewangan untuk memudahkan pergerakan PERKIM. Tunku turut mendapatkan sokongan daripada Raja-raja Melayu sebagai usaha untuk memastikan PERKIM bergerak seiringan dengan semua ketua agama Islam di seluruh negeri di Malaysia.

Setelah semua persediaan awal selesai, Tunku Abdul Rahman mengadakan majlis perasmian PERKIM. Upacara berkenaan dilakukan sendiri oleh Tunku Abdul Rahman di kediaman rasminya iaitu di rumah Perdana Menteri di Kuala Lumpur pada 19 Ogos 1960.⁶ Ketelitian perancangan dan tindakan awal menyumbang kepada perkembangan PERKIM di Malaysia. Pertubuhan ini kemudiannya berkembang dan ia kemudiannya dikenali sebagai Pertubuhan PERKIM Kebangsaan yang juga berfungsi sebagai ibu pejabat induk bagi cawangan PERKIM yang lain di seluruh negara.

Selain dari Malaysia, Tunku mengambil inisiatif bagi memperkenalkan misi dan visi PERKIM di negara-negara Islam serta menjadi anggota pertubuhan di Badan Muktamar Islamiah Sedunia (BMIS). Pertubuhan ini berpusat di Beirut dan turut dianggotai oleh mufti besar Palestin yang dikenali sebagai Syed Amin Al-Husaini yang turut memainkan peranan sebagai Yang Dipertua BMIS. Ekoran itu, dua orang wakil daripada PERKIM telah dijemput hadir ke perjumpaan Muktamar BMIS di Baghdad pada tahun 1962. Setelah itu, Setiausaha Agung Badan Muktamar itu juga telah datang melawat PERKIM di Kuala Lumpur.⁷ Kunjungan ini menunjukkan PERKIM diterima baik dalam kalangan negara Islam di Asia Barat.

Bahkan selepas lawatan Setiausaha Agung BMIS ke Kuala Lumpur, BMIS telah memutuskan untuk mengadakan persidangan wakil Islam dari Sembilan belas buah negara di Asia Tenggara di Kuala Lumpur. Cadangan tersebut dialu-alukan oleh Tunku Abdul Rahman. Ekoran itu, PERKIM mengambil tanggungjawabkan untuk menjadi tuan rumah persidangan berkenaan. Bagi memastikan tugas sebagai tuan dilaksanakan dengan berkesan PERKIM membentuk jawatankuasa yang berperanan menguruskan dan mentadbir persidangan tersebut. Hasilnya, PERKIM berjaya menganjurkan persidangan berkenaan bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman pada 28 Januari 1964.⁸ Sokongan kerajaan Malaysia terhadap PERKIM tidak dapat disangkal lagi. Sebagai contohnya, dalam persidangan ini, Tun Abdul Razak iaitu Timbalan Perdana Menteri Malaysia ketika itu memainkan peranan sebagai pengerusi majlis. Seterusnya, sebagai tanda penghargaan dan alu-aluan, PERKIM mengambil inisiatif untuk membawa Mufti Besar Palestin melawat ke Pusat Latihan Mubaligh dan Balai Islam Kelang. Kedua-dua lokasi ini amat signifikan dalam usaha dakwah yang diusahakan oleh PERKIM di Malaysia.⁹ Setelah pelbagai usaha berterusan yang dilakukan oleh Tunku dan ahli PERKIM dalam membangunkan dan mengembangkan pertubuhan ini, maka PERKIM mula meluaskan perkhidmatannya di luar negara. Usaha Tunku Abdul Rahman membuahkan hasil apabila pertubuhan PERKIM ini mula dikenali di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sebagai sebuah pertubuhan yang diilhamkan atas keinginan memperkasakan kegiatan dakwah, PERKIM menekankan usaha menyebarkan syiar Islam. Motif utama PERKIM adalah untuk mengembangkan ajaran Islam terutamanya kepada golongan yang tidak mempunyai agama.¹⁰ Visi penubuhan organisasi ini adalah untuk menjadikan PERKIM sebagai sebuah organisasi menyebarkan dakwah Islam antarabangsa.¹¹ Selari dengan cogan kata PERKIM iaitu “Islam itu Persaudaraan” menguatkan lagi misi dan visi PERKIM dan menjadi mercu tanda untuk dipraktikkan dalam menyatupadukan umat Islam khususnya di Malaysia.¹²

Visi ini menjadi teras untuk PERKIM meluaskan pengaruhnya sehingga berjaya berada di peringkat antarabangsa dalam hal ehwal pengurusan agama Islam. Misi PERKIM pula adalah untuk menjadikan pertubuhan PERKIM ini sebagai sebuah NGO penggerak terunggul dalam memberi sokongan kepada institusi Islam Malaysia dan Antarabangsa. Kesungguhan PERKIM dalam menjalankan aktiviti dakwah diiktiraf dalam perbincangan di Parlimen pada 1978, di mana PERKIM bersama beberapa agensi lain seperti Pusat Islam, Yayasan Dakwah Islamiah, Darul Arqam dan badan-badan dakwah yang lain dianggap sebagai penggerak utama dakwah Islam di Malaysia.¹³

Kecemerlangan PERKIM dalam usaha membangunkan Islam berterusan pada 1980-an. Pada tahun 1980 sebagai contohnya kerajaan memberikan peruntukan \$1,150,00000.¹⁴ Selari dengan misi dan visinya dalam bidang dakwah, PERKIM turut membantu golongan muallaf yang baharu memeluk agama Islam. Bantuan ini kebanyakannya dalam bentuk pendidikan berkenaan agama yang membolehkan golongan muallaf mendapatkan kefahaman tentang agama, mempelajari agama Islam dengan mendalam dan membantu memantapkan akidah mereka dalam agama Islam.¹⁵ PERKIM dikatakan sebagai sebuah institusi yang menjadi perintis dan pemula kepada adanya badan-badan lain yang turut sama memperjuangkan dan menyemarakkan lagi dakwah serta penyebaran syiar Islam di serata kawasan di dalam negara Malaysia.¹⁶

Bermula dengan wujudnya kecenderungan yang terhasil daripada seruan dakwah kepada mana-mana individu. Maka telah wujud Unit atau Bahagian Kecil urusan Dakwah PERKIM yang bertanggungjawab dalam memproses kemasukan golongan muallaf.¹⁷ Unit ini juga berperanan dalam berurusan dengan pihak lain misalnya Pejabat Agama Negeri dan Jabatan Pendaftaran bagi mendapatkan status Muslim bagi golongan yang baru memeluk Islam.¹⁸ Di sini menjadi titik mula kepada kejayaan PERKIM yang menunjukkan kemampuannya menguruskan dan menyebarkan dakwah Islam sehingga berjaya mengislamkan puluhan ribu orang di Malaysia.¹⁹

Selari dengan keinginan untuk badan pendakwah peringkat antarabangsa, PERKIM sentiasa berusaha untuk meningkatkan aktiviti dakwah kepada masyarakat Malaysia dan warga asing di sini melalui pendekatan pendidikan. Ini juga terbukti melalui pengedaran bahan terbitan PERKIM kepada pelajar Malaysia yang berada di luar Negara. Antara bahan bacaan tersebut adalah, *Come Closer to Allah, Questions and Answers in Islam I & II, What is the Religion of Islam, Why Muslim Abstain from Pork, What is Islam, Islamic Pilgrimage, Fasting, Guide of Islam, How I become a Muslim* dan lain-lain.²⁰ Sementara itu, PERKIM turut membekalkan bahan bacaan mengenai Islam kepada perwakilannya di luar negara apabila mendapat permohonan daripada merea. Selain daripada bahan bacaan di atas, perwakilan diplomatik PERKIM di luar negara turut dibekalkan dengan majalah keluaran *Utusan Melayu* iaitu *Al-Islam* dan *Al-Kiblat*.²¹

PERKIM juga meneruskan tanggungjawab bagi membimbing golongan muallaf dengan memberi, menguruskan dan menjalankan usaha dalam memberikan pelajaran dan pendidikan agama Islam menerusi saluran media, bahan cetakan dan lain-lain selari dengan undang-undang di negara Malaysia.²² Saudara Islam ini diberi tunjuk ajar selari dengan tuntutan Islam. Usaha utama PERKIM adalah dengan memberikan pelajaran Fardu Ain'

dengan mengadakan kelas agama bersama guru agama di ibu pejabat PERKIM Kebangsaan, di PERKIM Bahagian negeri, dan di pejabat PERKIM daerah.²³ Tahun 1963, menjadi saksi di mana pusat pengajian Islam yang pertama dibina iaitu Pusat Latihan Mubaligh Darul Arqam di Batu 4 Jalan Ampang, Kuala Lumpur, diketuai oleh Profesor M.T. Kandil, merupakan pengarah pertama dari Universiti Al-Azhar.²⁴ Usaha untuk meningkatkan kefahaman Islam dijalankan melalui pendidikan yang tersusun dan bekerjasama dengan beberapa agensi lain di luar PERKIM. Antaranya adalah badan kerajaan dan badan yang sehaluan dengan PERKIM. Selain itu, PERKIM sentiasa berusaha untuk memantapkan sistem pengurusan dan pentadbiran yang mampu mencapai segala tujuan PERKIM.²⁵ Ringkasnya PERKIM adalah pertubuhan yang diasaskan di Malaysia namun ia mempunyai pelan pendakwaan yang besar dan tidak terhad dalam sempadan negara Malaysia. PERKIM turut memberi perhatian kepada masyarakat Muslim yang terlibat dengan diskriminasi dan kekejaman di luar negara.

Hubungan dan Bantuan Antarabangsa

PERKIM menjalin hubungan kerjasama sosial dengan negara luar untuk melakukan aktiviti kebajikan khususnya untuk golongan miskin. Aktiviti dijalankan selari dengan strategi bersepadu yang diatur bersama rakan kolaboratifnya.²⁶ Rakan kolaboratif PERKIM terdapat di beberapa buah negara seperti Arab Saudi, Kuwait, Libya, Cambodia, Korea, Thailand, Australia.²⁷ Libya adalah salah sebuah negara yang aktif mengambil bahagian dalam aktiviti kemanusiaan yang di anjurkan PERKIM. Ini disebabkan, Tunku Abdul Rahman mempunyai hubungan yang baik dengan negara Libya. Komitmen Libya dalam membantu PERKIM bermula sejak awal penubuhan pertubuhan ini. Dalam menzahirkan komitmennya, Libya menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) dan memberi pinjaman kewangan kepada PERKIM sejak 1960-an.²⁸ Sokongan negara luar kepada aktiviti PERKIM berterusan sepanjang tempoh kajian ini. Dari sudut sejarahnya, selain dari Libya, PERKIM mendapat sokongan daripada kerajaan Arab Saudi dan Kuwait. Kedua-dua buah negara ini menyumbangkan derma dalam jumlah yang tinggi bagi membantu PERKIM menjalankan kerja dakwah dan melaksanakan aktiviti kebajikan masyarakat. Pada 1981, negara Kuwait menderma sebanyak sejuta ringgit kepada PERKIM.²⁹ Jumlah berkenaan diperuntukkan bagi membantu kewangan PERKIM untuk aktiviti dakwah dan kebajikan masyarakat.³⁰ Rakan kolaborator PERKIM di luar negara menunjukkan sokongan kepada aktiviti kemanusiaan PERKIM melalui pengiktirafan bahawa PERKIM bertindak sebagai pusat penyelarasan utama dalam mengendalikan aktiviti kemanusiaan yang dijalankan di peringkat antarabangsa.³¹

Misi Kemanusiaan Antarabangsa

Selain daripada kerja dakwah yang menjadi tumpuan utama dalam sejarah perkembangannya, PERKIM aktif dalam aktiviti kemanusiaan. PERKIM turut menyumbang dalam usaha untuk menyelesaikan isu seperti isu pelarian, isu penganiayaan dan isu keamanan dan kesejahteraan sejagat terutamanya apabila ia melibatkan umat Islam. Ini dilakukan melalui sumbangan kewangan untuk misi kemanusiaan dan juga bantuan lain yang diberikan dari semasa ke semasa. Bagi mencapai hasrat berkenaan PERKIM bekerjasama dengan negara serantau. Hubungan baik Malaysia dengan negara lain di rantau

ini memudahkan PERKIM untuk menjalinkan hubungan atau mengadakan kerjasama dengan negara lain. Sebagai contohnya, Thailand dan Malaysia menjalinkan kerjasama ekonomi dan perdagangan sejak tahun 1966. Dengan itu, hubungan kedua-dua negara ini semakin harmoni dan aman.³² Hasil hubungan diplomatik yang baik antara Malaysia dan Thailand inilah yang membuka laluan kepada PERKIM untuk membantu masyarakat Muslim di Thailand terutamanya kepada golongan miskin untuk mendapatkan pendidikan Latihan Vokasional yang ditubuhkan di negara tersebut.

Bantuan Pelarian Kemboja

Konflik yang berlaku dalam sesebuah negara boleh menyebabkan negara berada dalam keadaan huru-hara dan tidak stabil. Ketidakstabilan negara boleh menimbulkan kegusaran dalam kalangan rakyat sehingga boleh menyebabkan munculnya insiden seperti rusuhan, peperangan dan sebagainya. Pelarian merujuk kepada sekelompok masyarakat yang mengalami pencabulan hak asasi manusia sehingga menyebabkan mereka berasa tidak selamat berada di kediaman sendiri dan maruah mereka terdai.³³ Golongan ini akan berusaha mendapatkan perlindungan antarabangsa demi melindungi hak asasi mereka. Misalnya, negara Kemboja, Palestin, Afrika dan pelarian di kawasan Asia Tenggara seperti di Selatan Thailand, Myanmar dan sebagainya tidak dapat lari dari kenyataan bahawa negara tersebut pernah mengalami konflik dan peperangan sehingga menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan huru-hara.

Konflik pelarian yang paling besar yang pernah berlaku adalah pelarian warganegara Kemboja atau dikenali sebagai Orang Khmer. Mereka merupakan masyarakat Muslim yang tertindas ekoran daripada pembantaian dan genosid yang dilakukan oleh Pol Pot dan tentera Khmer Merah di bawah rejim Pol Pot. Kehidupan masyarakat Muslim Kemboja sentiasa dalam ketakutan dan kegusaran. Sepanjang pemerintahan beliau, ramai di kalangan rakyat mereka yang mati dibunuh secara beramai-ramai dan terdapat juga masalah kebuluran serta penyebaran wabak malaria dalam kalangan rakyat mereka.³⁴ Oleh kerana rakyat tidak mampu menanggung seksaan berikutan daripada konflik tersebut, ramai di kalangan mereka telah menjadi pelarian ke negara sekitar Kemboja seperti Thailand, Malaysia dan terdapat lagi negara-negara yang lain.

Kedatangan pelarian Kemboja ini pada awalnya tidak mendapat sambutan yang baik oleh negara-negara Asia Tenggara khususnya negara Thailand dan Malaysia. Kemasukan pelarian di Thailand mendapat permintaan daripada pemerintah Rouge sendiri untuk Thailand menerima seramai 15, 000 rakyat Kemboja yang menjadi pelarian.³⁵ Sebahagian daripada pelarian tersebut merupakan golongan warga emas dan kanak-kanak.³⁶ Namun, kerajaan Thailand tidak memberi apa-apa maklum balas berkenaan permintaan pemimpin Khmer Rouge itu kerana Thailand sendiri menghadapi masalah pelarian yang sama dari Indochina.³⁷ Selepas Thailand mengembalikan seramai 40,000 pelarian ke Kemboja semula, akhirnya Thailand bersetuju untuk membenarkan pembukaan kem di Sembilan Lokasi di sempadan Thailand.³⁸ Lapan kem dikawal oleh orang-orang Khmer sementara kem di Khao I-Dang dikawal oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).³⁹ Penerimaan Thailand terhadap pelarian Kemboja ini mendapat pujian daripada Sir Robert Jackson selaku *United Nation Administrator*, kerana telah menyelamatkan

hampir beratus ribu penduduk negara tersebut dan menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan kepada pelarian.⁴⁰

Malaysia juga tidak terkecuali daripada menjadi kawasan kem untuk pelarian orang Khmer. Pada tahun 1976, seramai 50 orang Kemboja yang mendiami di Taman Putra di Kota Bharu, Kelantan.⁴¹ Kebanyakan daripada mereka menjalankan kegiatan sara diri seperti menjadi peniaga kecil, nelayan pesawah di ladang-ladang tembakau.⁴² Segala urusan penempatan dan kebajikan kepada pelarian Khmer diuruskan oleh PERKIM Bahagian Kelantan. Manakala dalam isu berkaitan pelarian Kemboja, ekoran daripada kekejaman regim komunis Khmer Rouge yang melakukan pembunuhan besar-besaran pada 1975-1979. Kekejaman pemerintahan ini juga menyebabkan berlakunya masalah kebuluran dan ancaman penyakit bahaya dalam kalangan rakyat Kemboja.⁴³ Demi kelangsungan hidup dan keselamatan daripada serangan tentera Khmer Rouge, ramai dalam kalangan mereka berpindah ke sempadan Thailand.⁴⁴ Terdapat sembilan lokasi kem bagi menempatkan orang Kemboja di sempadan Thailand dan antara salah satu lokasi kem tersebut ialah di Khao-I-Dang.⁴⁵ PERKIM menghulurkan bantuan melalui kerjasama dengan Thailand beserta Pertubuhan Kebajikan Dunia seperti Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR). Bantuan yang ditawarkan adalah dalam menguruskan isu pelarian masyarakat Kemboja. PERKIM memainkan peranan sebagai pertubuhan yang mewakili negara Malaysia untuk menjalinkan hubungan kemanusiaan dengan negara Thailand bagi menghulurkan bantuan kebajikan golongan yang menghadapi diskriminasi di negara asal mereka.

Jadual 1: Bilangan pelarian Kemboja yang datang ke Malaysia pada tahun 1976 dan Tahun 1980

Tahun	Penempatan	Bilangan	Pekerjaan Utama	Bantuan Kewangan	Bantuan Kebajikan
1976	Kawasan sekitar Pengkalan Chepa dan Taman Putra, Kota Bharu, Kelantan	±1,700 orang	Peniaga kecil, nelayan, pesawah	Elaun PERKIM (USD350); bantuan kanak-kanak (USD20);	Keperluan persekolahan, latihan, pengangkutan, penginapan dan lawatan kebajikan oleh PERKIM
1980	Pelbagai kawasan di Malaysia (Ketengah Jaya, Kemaman, Keratong dan lain-lain)	±4,500 orang	Peniaga kecil, buruh kontrak, nelayan	Tiada maklumat	Bantuan persekolahan kepada 111 pelarian miskin dan yatim oleh PERKIM

Sumber: Laporan Tahunan PERKIM 1976, Arkib Negara Malaysia, Laporan Tahunan PERKIM 1980, Perpustakaan Negara Malaysia.

Berdasarkan Jadual 1, jumlah pelarian Kemboja yang tiba di negara Malaysia dan petempatan mereka pada tahun 1976 dan tahun 1980. Perbezaan yang paling ketara yang dapat dilihat melalui jadual tersebut adalah dalam aspek pekerjaan. Golongan pelarian Kemboja ini pada awalnya terlibat dalam pekerjaan seperti berniaga kecil-kecilan, nelayan dan pesawah. Namun, jenis pekerjaan dan lokasi tempat tinggal mereka berubah sedikit

pada 1980. Ini kerana ramai dalam kalangan pelarian ini bekerja di ladang yang terletak di Trengganu dan Pahang. Selain itu mereka juga bekerja sebagai buruh kontrak yang membuat bangunan. Peniaga kecil-kecilan dari Kemboja menjaja pakaian, barangan permainan kanak-kanak, aiskrim dan barangan runcit. Manakala pelarian yang bekerja sebagai nelayan menetap di beberapa kawasan di Semenanjung iaitu di Pekan, Pahang, Tanjong Pelepas, Gelang Patah, Johor dan Pantai Cinta Berahi di Kelantan.

Bantuan kebajikan kepada golongan pelarian ini dihulurkan dalam pelbagai bentuk. Antaranya melalui bantuan keperluan persekolahan, latihan, pengangkutan, penginapan dan juga lawatan ke kawasan pelarian oleh anggota PERKIM. Bantuan kewangan pula diberikan tidak hanya terhad kepada golongan dewasa tetapi juga kepada kanak-kanak.

Dalam memastikan kebajikan pelarian Kemboja sentiasa terjaga PERKIM turut bergerak dengan bantuan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR).⁴⁶ Sehubungan itu, pelarian Kemboja diberikan pilihan sama ada kekal tinggal di Malaysia atau kembali ke negara asal. Dengan itu, UNHCR membantu menghantar semula pelarian Kemboja ke negara asal. Selain itu, UNHCR telah membantu pelarian Kemboja seramai 10, 700 orang dan 9, 000 orang di tahanan Thailand.⁴⁷ Pelarian Kemboja ini telah dibenarkan untuk mengusahakan tanah pertanian dan mendapat kemudahan fasiliti kesihatan dan pendidikan. Pada 1980, masyarakat pelarian mendapat manfaat melalui usaha kerjasama PERKIM bersama pihak UNHCR dalam memastikan mereka mendapat bantuan kemanusiaan. Direkodkan seramai lebih 1, 800 pelarian telah ditempatkan di Kem Cherating di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Melalui kerjasama antara UNHCR, Pertubuhan Bulan Sabit Merah (MRCS) dan PERKIM banyak bantuan disalurkan kepada pelarian seperti bantuan makanan, barangan domestik, kemudahan kesihatan dan kebersihan serta kursus dan latihan bahasa dan budaya. UNHCR telah memperuntukkan sebanyak \$400,000 untuk penjagaan dan pemulihan pelarian Kemboja dalam tempoh 4 bulan bermula Ogos sehingga Disember.⁴⁸ Oleh itu, melalui kerjasama yang dilaksanakan oleh PERKIM dan pertubuhan kebajikan dunia mampu merealisasikan Impian PERKIM untuk menangani isu-isu yang melanggar hak asasi manusia bagi pelarian-pelarian di peringkat antarabangsa.

Program Pendidikan dan Bantuan Kewangan

PERKIM menekankan pendidikan sebagai satu medium yang menjadi keutamaan dalam mengubah nasib dan meningkatkan taraf hidup masyarakat. Ini kerana kualiti kehidupan masyarakat boleh diubah melalui pendidikan kerana ia membentuk masyarakat berfikir dengan rasional dan membantu mengubah kedudukan sosioekonomi mereka. Golongan Mualaf yang wujud di Malaysia ini kebanyakannya terdiri daripada golongan orang yang miskin dan mempunyai masalah kewangan. Nasib golongan ini menjadi salah satu sebab yang menghalang masyarakat untuk meningkatkan kualiti diri melalui pendidikan kerana bidang ini memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu, menjadi satu dorongan kepada PERKIM untuk membantu dalam menyalurkan bantuan kewangan atau lebih dikenali sebagai biasiswa dan tajaan kepada anak-anak mualaf yang berkeinginan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. PERKIM menyediakan Tajaan PERKIM-Goon dan menyediakan bantuan zakat bagi meringankan beban pelajar mualaf yang ingin menuntut ilmu di pengajian tinggi.⁴⁹ PERKIM juga menyediakan program latihan vokasional kepada

masyarakat di Malaysia dan negara luar serta penyediaan bantuan kewangan seperti biasiswa tersebut kepada mereka.

Jadual 2: Jumlah kursus latihan vokasional di Institut PERKIM pada tahun 1986

Kursus Komputer	24
Kursus Perdagangan	27
Kursus Kesyiausaha	7
Lain-Lain	4
Jumlah	62

Sumber: Laporan Tahunan PERKIM, 1986

Jadual 2 merujuk kepada kursus yang ditawarkan oleh PERKIM dalam membantu meluaskan pendidikan kepada masyarakat Muslim terutamanya kepada golongan yang tidak berkemampuan. Bilangan setiap kursus pendidikan disertai oleh warga Malaysia dan terdapat juga warga asing yang datang dari negara luar. PERKIM mempunyai peruntukan untuk membantu warga asing. Contohnya, terdapat bantuan yang dihulurkan kepada warga Zambia semasa beliau menuntut ilmu di Institut PERKIM-Goon. Menurut Laporan Tahunan PERKIM pada 1986, beliau diberi bantuan kewangan sebanyak \$100.⁵⁰

PERKIM turut menfokuskan kepada bantuan pendidikan asas kepada masyarakat Islam tanpa mengira sama ada kanak-kanak mahupun orang dewasa. PERKIM menganjurkan kelas pelajaran bahasa kepada masyarakat iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada setiap hari Sabtu tahun 1984.⁵¹ PERKIM juga menganjurkan kelas Bahasa Arab asas, kelas Masakan, Kelas Bahasa Isyarat, dan kelas Muzik turut diadakan pada setiap hari Isnin dan Rabu pada tahun 1981.⁵² Pendidikan asas ini disediakan PERKIM bagi tujuan memastikan masyarakat Islam bukan sahaja mendalami ilmu Islam, malah mempelajari bidang bahasa dan juga kemahiran hidup.

PERKIM menyediakan program pendidikan bagi warganegara asing untuk menuntut ilmu terutamanya berkenaan agama Islam dan ilmu pengetahuan sampingan. Tujuan program berkenaan adalah untuk memberikan kefahaman mendalam mengenai agama Islam bagi membolehkan mereka menjadi pendakwah apabila pulang ke negara asal mereka. Misalnya, pelajar dari Korea Selatan diberikan pendidikan berkenaan agama Islam untuk membolehkan mereka menyebarkan ilmu tentang Islam di negara asal mereka. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama dengan Persatuan Muslimin Korea.⁵³ Antara penuntut Korea yang mendapat bantuan ini adalah Maryam Choi Youn Ho. Beliau menuntut di Universiti Islam Antrabangsa dan mendapat biasiswa sebanyak \$200/- setiap bulan.⁵⁴

Pada tahun 1982, PERKIM dengan sokongan yang diberikan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri, melalui Bahagian Agama telah membuka tabung kebajikan kepada pelajar dari luar negara. Melalui tabung kebajikan ini pelajar asing boleh mendapatkan bantuan kewangan sepanjang mengikuti kursus di Institut Dakwah Islamiah PERKIM. Bilangan pelajar yang mendapat sokongan kewangan Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama adalah seperti berikut:

Jadual 3: menunjukkan bilangan pelajar luar negara yang mendapat bantuan kewangan oleh Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Agama pada tahun 1982

Negara	Bilangan Pelajar	Bantuan Kewangan
Fiji	3	250 USD/Seorang
Hong Kong	2	200 USD/Seorang
Korea	1	200 USD/Seorang
Filipina	1	200 USD/Seorang

Sumber: Laporan Tahunan PERKIM 1982, hlm.64.

Berdasarkan jadual tersebut, dapat dilihat usaha PERKIM untuk menyumbang warganegara asing supaya mereka mendapat pendidikan yang baik. Penerima bantuan kewangan ini disaring dan dipilih dalam kalangan yang benar-benar tidak berkemampuan atau miskin. Usaha PERKIM dalam memberi bantuan kewangan ini adalah bagi meringankan beban warga asing miskin yang sedang menuntut pengajian di Malaysia.⁵⁵ PERKIM memanfaatkan sumber kewangan tersebut melalui program pendidikan dan latihan vokasional untuk golongan miskin di negara Malaysia.

Penutup

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia atau lebih dikenali sebagai PERKIM bergiat aktif dalam menjalankan fungsinya sebagai pusat penyebaran Islam dan badan kebajikan masyarakat terutamanya kebajikan golongan miskin. PERKIM melaksanakan pelbagai langkah proaktif bagi meningkatkan usaha untuk meningkatkan taraf hidup golongan tersebut sama ada di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. PERKIM pada hari ini masih berdiri teguh dalam mengembangkan peranannya dalam membantu membangunkan dakwah mualaf di Malaysia. Berdasarkan Siaran Langsung Siri Kuliah Dakwah Perdana (SKOP) kali ke-14 yang ditayangkan dalam rancangan Tanyalah Ustaz TV9/TV3 pada 19 Disember 2024, banyak mengupas isu-isu dalam pembangunan mualaf di negara Malaysia. Fokus PERKIM dalam menyediakan kemudahan dan menjaga kebajikan golongan muslim dengan lebih meluas. Bukan sahaja di Malaysia, PERKIM juga menunjukkan komitmen yang tinggi dalam membantu golongan miskin khususnya muslim di peringkat global. Misalnya, pada tahun 1980 menyaksikan penglibatan PERKIM secara rasmi dalam membantu golongan pelarian yang memerlukan bantuan petempatan, makanan, perubatan serta pendidikan. Walaupun terdapat kekangan sumber yang menjadi satu cabaran kepada PERKIM dalam membantu komuniti global, namun dengan adanya kolaborasi antara PERKIM dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan di peringkat antarabangsa menyumbang kepada kejayaan PERKIM dalam menangani isu kebajikan golongan miskin dengan lebih efektif.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada penilai dan editor Jurnal Munsyi di atas teguran dan idea penambahbaikan sehingga makalah ini dapat diterbitkan.

Bibliografi

- 2019/0015827. Lapuran Tahunan PERKIM. 1976.
2010/0016301. Laporan Tahunan PERKIM. 1986
10, 000 Hadapi Maut di Sempadan Thai. *Berita Harian*. 19 August 1979.
2007/0022853. Pertubuhan Kebajikan Malaysia. *Perlembagaan*, 23 Oktober 1971.
Islamic Herald. "PERKIM International." Volume 31. Number 2. Jun 2014.
https://www.perkim.net.my/wpcontent/uploads/2014/09/IslamicHeraldVolume31No2-2014.pdf?srsId=AfmBOoo_wapYsSA2_bM7yhePmj_ohF2x9C2QkFXYKA_SAXpifLqIT2-p.
Jeremy Thompson. Khmer Rouge "might return." 22 Oktober 1991. Canberra Times (ACT: 1926-1995). Dimuat turun dari laman sesawang.
<https://trove.nla.gov.au/newspaper/rendition/nla.newsarticle134161770.3.pdf?followup=c02dfc6c402e9cc4b6aab0cf9e17f8c2>
Mohd Noor Musa. "Dialog, Toleransi antara Kaum Kunci Kekalkan Perpaduan", *Berita Harian*, 13 Februari 2023. <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2023/02/1063522/dialog-toleransi-antara-kaum-kunci-kekalkan-perpaduan>.
Mohd. Syahril Rosdi Ahmad Zahudi. "KKRKC Serah Zakat kepada Mualaf." 16 June 2015. Diakses pada 19 Disember 2024. <https://www.perkim.net.my/kkrc- serah-zakat-kepada-mualaf/>.
Nur'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan AI Pao Fakhrul Adabi Kadir, Siti Rugayah Tibek & Amran Abdullah. "Program Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan Kepada Saudara Muslim: Satu Tinjauan Dari Segi Pendidikan." *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education (ICRIALE)*. 2012.
https://eprints.um.edu.my/14088/1/program_dakwah_islamiah_pertubuhan_ke_bajikan_islam.pdf.
Penyata Parlimen Rasmi. Dewan Rakyat. parlimen Kelima. Penggal Kedua. Jilid II. Bil.55. 2 Disember 1980. Dimuat turun melalui
<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR02121980.pdf#page=14&zoom=100&search=kuwait%201980>
Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Penggal Ketiga. Jilid III. Bil.24. 12 June 1981. Dimuat turun melalui laman sesawang
<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR12061981.pdf#page=16&zoom=100&search=pelajar%20antarabangsa%201980>.
Penyata Parlimen Rasmi, Dewan Rakyat, parlimen Kelima, Penggal Kedua," Jilid II, Bil. 55, 11 Disember 1980, 7556, dimuat turun pada Januari 23 2025 melalui laman sesawang
<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-11121980.pdf#page=20&zoom=100&search=PERKIM>
Portal Rasmi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). "Latar Belakang." Diakses pada 18 Jun 2024. <https://www.perkim.net.my/latar-belakang/>.
Portal Rasmi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). "Objektif PERKIM." Diakses pada 18 Jun 18 2024. <https://www.perkim.net.my/objektif/>.
SUARA PERKIM. *Edisi Khas 50 Tahun*. Tahun 30. Keluaran 1. 2010. <https://www.perkim.net.my/wp-content/uploads/doc/SUARA%20PERKIM%20EDISI%20KHAS%2050%20TAHUN.pdf>.
Thailand 1979-1980 : Political Conflict – Refugee Camp. Diakses pada 7 Disember 2024. Dimuat turun melalui laman sesawang.
<https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/beritaharian196706301.2>
<https://www.shelterprojects.org/shelterprojects2008/ref/D7-Thailand- conflict.pdf>.
UNHCR Malaysia. "Report of The United Nations High Commissioner for Refugees A/36/12, August 28, 1981." Dimuat turun melalui laman sesawang. <https://www.unhcr.org/my/publications/report-united-nations-high-commissioner-refugees-12>.
UNHCR Malaysia. "Opening Statement by Mr. Jean-Pierre Hocke.' United Nations High Commissioner for Refugees, to Executive Committee of The High Commissioner's Programme". Thirty-Ninth Session. Geneva. 3 Oktober 1988. <https://www.unhcr.org/my/publications/opening-statement-mr-jean-pierre-hocke-united-nations-high-commissioner-refugees-1>.

UNRWA. "Report Of The Commissioner-General Of The United Nation Relief And Works Agency For Palestine Refugees In The Near East". Thirty-Fifth Session. Supplement No. 13 (A/35/13). United Nation. 1980. 1 July 1979 – 30 June 1980. <https://www.un.org/unispal/document/auto-insert-176552/>.

United Nations. "A/35/353 Letter dated 25 July 1980 from the Permanent Representative of Thailand to the United Nations addressed to the Secretary- General". 28 July 1980. https://digitallibrary.un.org/record/15337/files/A_35_353-EN.pdf.

¹ Portal Rasmi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), "Latar Belakang," diakses pada 18 Jun 2024 melalui laman sesawang, <https://www.perkim.net.my/latar-belakang/>.

² *Ibid*

³ *Ibid*

⁴ *Ibid*

⁵ Perkim, "Latar Belakang."

⁶ Perkim, "Latar Belakang."

⁷ *Ibid*

⁸ *Ibid*

⁹ *Ibid*

¹⁰ Nur A'thiroh Masyaa'il Tan, Fakhru Adabi Abdul Kadir, Siti Rugayah Tibek dan Amran Abdullah, "Program Dakwah Islamiah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Kebangsaan kepada Saudara Muslim: Satu Tinjauan dari Segi Pendidikan," *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (ICRIALE 2012)*, diakses melalui laman sesawang, https://eprints.um.edu.my/14088/1/program_dakwah_islamiah_pertubuhan_kebajikan_islam.pdf.

¹¹ Portal Rasmi Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), "Objektif PERKIM," diakses pada 18 Jun 2024 melalui laman sesawang, <https://www.perkim.net.my/objektif/>.

¹² Pertubuhan Kebajikan Malaysia, *Perlembagaan*, 23 Oktober 1971, 2007/0022853

¹³ Penyata Rasmi Parlimen. Dewan Rakyat. Penggal Keempat. Jilid IV. Bil.1. 21 Mac 1978.hlm 107. Dimuat turun melalui laman sesawang pada 20 Januari 2025 ;

<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-21031978.pdf#page=108&zoom=100&search=PERKIM>

¹⁴ Penyata Parlimen Rasmi, Dewan Rakyat, parlimen Kelima, Penggal Kedua," Jilid II, Bil. 55, 2 Disember 1980, 6747, dimuat turun melalui laman sesawang

<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-02121980.pdf#page=14&zoom=100&search=kuwait%201980>.

¹⁵ *Ibid*

¹⁶ SUARA PERKIM, *Edisi Khas 50 Tahun*, Tahun 30, Keluaran 1, 2010, 6. <https://www.perkim.net.my/wp-content/uploads/doc/SUARA%20PERKIM%20EDISI%20KHAS%2050%20TAHUN.pdf>

¹⁷ *Ibid*, 11.

¹⁸ *Ibid*.

¹⁹ *Ibid*, 12.

²⁰ Penyata Parlimen Rasmi, Dewan Rakyat, parlimen Kelima, Penggal Kedua," Jilid II, Bil. 55, 11

Disember 1980, 7556, dimuat turun pada Januari 23 2025 melalui laman sesawang

<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-11121980.pdf#page=20&zoom=100&search=PERKIM>

²¹ *Ibid*

²² SUARA PERKIM, *Edisi Khas 50 Tahun*, Tahun 30, Keluaran 1, 2010, 12. <https://www.perkim.net.my/wp-content/uploads/doc/SUARA%20PERKIM%20EDISI%20KHAS%2050%20TAHUN.pdf>.

²³ *Ibid*, 13.

²⁴ *Ibid*.

²⁵ Penyata Parlimen Rasmi, Dewan Rakyat, parlimen Kelima, Penggal Kedua," Jilid II, Bil. 55, 11

Disember 1980, 7556, dimuat turun pada Januari 23 2025 melalui laman sesawang

<https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-11121980.pdf#page=20&zoom=100&search=PERKIM>

²⁶ Portal Rasmi PERKIM, "Objektif."

²⁷ Laporan Tahunan PERKIM, 1986, 28, 2010/0016301

²⁸ Tan Abdullah @ Kadir, Tibek dan Abdullah, "Program Dakwah Islamiah," 374-375.

²⁹ Laporan Tahunan PERKIM, 1981, 6.

³⁰ Penyata Parlimen Rasmi, Dewan Rakyat, parlimen Kelima, Penggal Kedua," Jilid II, Bil. 55, 2 Disember 1980, 6747, dimuat turun melalui laman sesawang <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-02121980.pdf#page=14&zoom=100&search=kuwait%201980>.

³¹ Islamic Herald, "PERKIM Internasional," Volume 31, Number 2, Jun 2014, 9, diakses melalui laman sesawang, https://www.perkim.net.my/wp-content/uploads/2014/09/islamicherald-volume31no2-2014.pdf?srltid=afimbooo_-wapyssa2_bm7yhepmj_ohf2x9c2qkfxykasaxpiflq2-p, 12.

³² "Malaysia, Thai Pererat Kerjasama," *Berita Harian*, 7 April 1966, dimuat turun melalui laman sesawang, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/beritaharian19660407-1.2.54.5>.

³³ UNHCR Malaysia, "Opening Statement by Mr. Jean-Pierre Hocke", United Nations High Commissioner for Refugees, to Executive Committee of The High Commissioner's Programme," Thirty-Ninth Session, Geneva, 3 Oktober 1988, diakses melalui laman sesawang, <https://www.unhcr.org/my/publications/opening-statement-mr-jean-pierre-hocke-united-nations-high-commissioner-refugees-1>.

³⁴ Jeremy Thompson dan Khmer Rouge "Might Return," *Canberra Times (ACT: 1926-1995)*, 22 Oktober 22 1991, 6, dimuat turun dari laman sesawang, <https://trove.nla.gov.au/newspaper/rendition/nla.news-article134161770.3.pdf?followup=c02dfc6c402e9cc4b6aab0cf9e17f8c2>. Petikan akhbar ini mengandungi isu kebimbangan yang disuarakan terhadap kepimpinan Khmer Rouge yang bertanggungjawab ke atas kematian berjuta-juta rakyat Kemboja yang kemungkinan boleh kembali ke Phnom Penh semula kerana wujudnya rundingan perdamaian. Kepimpinan Khmer Rouge boleh mencetuskan konflik terhadap kestabilan Kemboja dan boleh menyebabkan trauma yang dihadapi oleh rakyat berulang semula. Artikel ini menyentuh kebimbangan mengenai hukuman yang akan dikenakan ke atas Khmer Rouge oleh pihak keadilan antarabangsa terbatas kerana wujudnya perjanjian damai ini.

³⁵ Ahmad Mohd Don, "Detik-detik Bersejarah: Khmer Rouge Minta Thailand Terima 15, 000 Pelarian."

³⁶ *Ibid*

³⁷ *Ibid*

³⁸ Thailand, "Political Conflict."

³⁹ *Ibid*

⁴⁰ United Nations, "A/35/353 Letter dated 25 July 1980 from the Permanent Representative of Thailand to the United Nations addressed to the Secretary-General," 28 Julai 1980, 1, diakses melalui laman sesawang, https://digitallibrary.un.org/record/15337/files/a_35_353-en.pdf

⁴¹ Laporan Tahunan PERKIM 1976, 22, 2019/0015827.

⁴² *Ibid*

⁴³ "10, 000 Hadapi Maut di Sempadan Thai," *Berita Harian*, 19 Ogos 1979, dimuat turun melalui laman sesawang, <https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/article/beritaharian19790819-1.2.3>.

⁴⁴ "Thailand 1979-1980: Political Conflict-Refugee Camp," diakses pada 17 Disember 2024, dimuat turun melalui laman sesawang, <https://www.shelterprojects.org/shelterprojects2008/ref/D7-Thailand-conflict.pdf>.

⁴⁵ *Ibid*.

⁴⁶ Mohd Syahril Rosdi Ahmad Zahudi, "Tan Sri Bendahari Kehormat Melawat Pusat Pendidikan Muhajirin Rohingya PERKIM," 28 September 2020, diakses melalui laman sesawang, <https://www.perkim.net.my/tan-sri-bendahari-kehormat-melawat-pusat-pendidikan-muhajirin-rohingya-perkim/>.

⁴⁷ UNHCR Malaysia, "Report of The United Nations High Commissioner for Refugees A/36/12," 28 Ogos 1981, dimuat turun melalui laman sesawang, <https://www.unhcr.org/my/publications/report-united-nations-high-commissioner-refugees-12>.

⁴⁸ *Ibid*

⁴⁹ Laporan PERKIM, 1986, 27, 2010/0016301.

⁵⁰ Laporan Tahunan PERKIM, 1986, 29. 2010/0016301.

⁵¹ Laporan Tahunan PERKIM, 1986, 2010/0016301.108.

⁵² Laporan Tahunan PERKIM, 1981, Perpustakaan Negara Malaysia, 126.

⁵³ Razak, “Walau Kecil Bilangan Besar Pencapaian.”

⁵⁴ Laporan Tahunan PERKIM 1986, 28. 2010/0016301.

⁵⁵ SUARA PERKIM, *Edisi Khas 50 Tahun*, Tahun 30, Keluaran 1, 2010, 19. <https://www.perkim.net.my/wp-content/uploads/doc/SUARA%20PERKIM%20EDISI%20KHAS%2050%20TAHUN.pdf>.